

26/09/1998

PM kesal penyokong Anwar guna masjid (HL)

Faizal Fadzil; Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal dengan sikap pengikut Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menggunakan masjid untuk menyokong orang yang berbuat dosa.

"Saya berasa amat dukacita kerana ada orang yang sokong manusia buat dosa dalam masjid. Sepatutnya, mereka tidak buat perkara yang semacam ini.

"Dia berdosa...tetapi mereka ini membuat demonstrasi dalam masjid yang menambah dosa mereka. Menyokong orang yang berdosa juga satu masalah...ini buat dosa dalam masjid pula.

"Bercakap bohong dalam masjid...ugut orang dalam masjid," katanya mengulas tindakan kira-kira 5,000 penyokong gerakan reformasi bekas Timbalan Perdana Menteri yang mengadakan demonstrasi di pekarangan Masjid Negara selepas solat Jumaat, hari ini.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan pameran dan forum Francais 1998 di sini hari ini, Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri turut mempertahankan tindakan polis masuk ke masjid bagi menghalang rusuhan daripada berlaku.

"Saya tak tahu sama ada polis pencegah rusuhan masuk ke masjid...tetapi saya tahu perusuh masuk ke dalam masjid.

"Macam mana kamu (polis) nak menghalang rusuhan berlaku dalam masjid jika kamu tidak masuk ke dalam masjid? Adakah kamu boleh menggunakan "remote control" (alat kawalan jauh)?"

"Saya tahu kamu (wartawan asing) takkan siarkan apa yang saya cakap ini kerana televisyen kamu menapis apa yang saya kata," katanya menjawab soalan wartawan asing yang mahu tahu sama ada sukar bagi kerajaan membuat keputusan mengarahkan polis masuk ke masjid.

Perdana Menteri turut menafikan Anwar berada dalam keadaan koma, sebaliknya beliau berada dalam negara ini dan masih dalam keadaan yang baik.

Mengenai tindakan kerajaan menghalang penyokong Anwar untuk berceramah menyuarakan pandangan mereka bagi meneruskan gerakan reformasi, Dr Mahathir berkata Anwar sudah meninggalkan mesej yang cukup banyak menerusi kaset dan video yang dirakamkan sebelum ini.

"Media asing juga sering menyiarkan mesej berkenaan," katanya.

Dr Mahathir berkata, demonstrasi seumpama itu akan berterusan kerana mereka tidak mahu Anwar diadili di mahkamah.

Menjawab soalan wartawan asing bahawa polis tidak mempunyai cukup bukti menyebabkan perbicaraan ke atas Anwar masih belum diadakan, Dr Mahathir menjelaskan:

"Jika anda boleh beritahu penyokong Anwar supaya tidak merusuh...dia akan di bawa ke mahkamah untuk dibicarakan.

"Tetapi ia (Anwar) telah membuat andaian awal bahawa tidak akan ada perbicaraan yang adil baginya," katanya.

Mengenai peguam Anwar yang dikatakan tidak dibenarkan bercakap dengan Anwar, Dr Mahathir berkata apabila tiba masanya peguam berkenaan dibenarkan bercakap dengan Anwar, mereka akan dapat bercakap dengan Anwar.

"Tetapi percayalah...mereka tidak berminat untuk bercakap dengan dia... mereka lebih berminat dengan propaganda," katanya.

Ditanya kenapa beliau tidak mengambil tindakan lanjut mengenai aktiviti homoseksual Anwar lima tahun lalu walaupun beliau sudah diberitahu oleh Ketua Polis Negara ketika itu, Tun Haniff Omar, Dr Mahathir berkata beliau tidak boleh percaya yang Anwar melakukan perbuatan seperti itu.

"Kini saya sudah memperolehi bukti yang saya tidak boleh tolak lagi," katanya, sebagai jawapan kepada pertanyaan mengapa tindakan terhadap Anwar diambil sekarang, yang memberi gambaran seolah-olah ia didorong oleh sebab-sebab politik.

Mengenai kenyataan Setiausaha Luar Britain, Robin Cook, yang meminta Malaysia memberi peluang kepada Anwar berjumpa dengan peguamnya ketika bertemu Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York, Dr Mahathir berkata Cook tidak berkata apa-apa ketika berkunjung ke negara ini baru-baru ini, tetapi memilih untuk mendengar daripada mulut orang.

"Saya tidak kisah apapun dia nak kata," katanya.

(END)